



## SOALAN LAZIM

### UNIT TANAH

S: Bolehkah saya mendaftar permohonan tanah secara terus di Pejabat Hasil Bumi?

J: Tidak boleh. Pendaftaran permohonan perlulah dilakukan di Jabatan Tanah dan Ukur.

S: Apakah Dokumen-dokumen yang perlu saya sertakan untuk mendaftar permohonan tanah:

J: Semua urusan permohonan tanah adalah melalui Jabatan Tanah dan Ukur. Sila majukan permohonan anda di sana, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dokumen-dokumen yang diperlukan.

S: Berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan tanah di Pejabat Hasil Bumi, sehingga mendapat kelulusan?

J: Dalam masa tiga (3) bulan, tertakluk kepada dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan teratur.

S: Bolehkah saya mengambil surat kelulusan permohonan tanah di Pejabat Hasil Bumi?

J: Surat permohonan iaitu kelulusan tidak boleh diambil oleh pemohon. Surat kelulusan tersebut akan dihantar oleh pejabat ini ke jabatan-jabatan yang berkenaan. Pejabat ini hanya akan memberi rujukan surat kelulusan permohonan kepada pemohon sebagai rujukan bagi memudahkan merujuk surat kelulusan tersebut di jabatan-jabatan berkenaan.



## SOALAN LAZIM

### UNIT GALIAN

**S:** Bolehkah saya mengemukakan permohonan lesen melombong terus kepada Pejabat Hasil Bumi?

**J:** Tidak boleh. Semua permohonan lesen mencarigali dan pajakan melombong adalah melalui syarikat GLC iaitu Sabah Capitol Sdn. Bhd., salah satu anak syarikat Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Kewangan.

**S:** Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk permohonan saya diproses di Pejabat Hasil Bumi sehingga mendapat kelulusan?

**J:** Dalam masa tiga (3) bulan, tertakluk kepada dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan teratur, dan polisi/dasar Kerajaan Negeri Sabah yang terkini dan berkuatkuasa.

**S:** Apakah dasar kerajaan tentang penjualan batu / pasir ke luar daripada Negeri Sabah?

**J:** Pengeluaran pasir dan bahan batuan daripada Negeri Sabah adalah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri Sabah yang tertakluk kepada syarat-syarat dan bayaran-bayaran yang berkuatkuasa.

**S:** Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan untuk permohonan melombong?

**J:** Semua urusan permohonan melombong adalah melalui Jabatan Tanah dan Ukur. Sila majukan permohonan anda di sana, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dokumen-dokumen yang diperlukan.



## SOALAN LAZIM

### UNIT HUTAN

S: Bolehkan permohonan TOL saya yang telah tamat tempoh diperbaharui / dilanjutkan?

J: Boleh.

S: Apabila tempoh TOL saya telah tamat, berapa lamakah tempoh yang diberikan untuk pembaharuan / pelanjutan?

J: Biasanya dua (2) tahun.

S: Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya kemukakan jika saya ingin memohon FIIB / TOL?

J: Permohonan TOL ( Surat pemohon) dan pelan kawasan yang dipohon.

S: Bolehkah saya memberi suratkuasa kepada wakil untuk menguruskan permohonan saya di Pejabat Hasil Bumi?

J: Boleh.